

10,000 langkah sihat

Lebih 100 kakitangan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) menyertai kempen berjalan 10,000 langkah di sekitar kampus Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini.

Pengerusi Kelab Kebajikan HEP (Mesra) **Jamaat Al Haffis Mansor** berkata, program 10,000 langkah yang dianjurkan oleh kelab ini adalah sebahagian daripada aktiviti yang telah dirancang untuk 2016.

Katanya, melalui aktiviti riadah seperti ini bukan sahaja dapat merapatkan

hubungan antara kakitangan malah dapat mengenali antara pegawai dan kakitangan di Unit dibawah HEP.

Antara aktiviti yang dijalankan termasuk senamrobik, berjalan dan mendaki Puncak Vista.

Pengetua Dewan Penginapan Pelajar (DPP) Dr. Muhaizam Musa berkata, melalui aktiviti ini juga dapat memberi peluang kepada peserta mengenali rakan-rakan daripada unit daripada jabatan lain.

PESERTA bergambar di Puncak Vista UUM selepas berjalan sejauh 10,000 langkah baru-baru ini.

